



## **PEKELILING PESURUHJAYA TANAH, NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU BILANGAN 9/1970**

### *Pengenaan Jenis Kegunaan Tanah*

Adapun tujuan Pekeliling ini ialah bagi panduan Pemungut-pemungut Hasil Tanah supaya peruntukan-peruntukan di bawah Perkara 83(2) Perlembagaan tidak dilupakan apabila membuat syor-syor pemberian milik tanah dalam satu-satu kawasan yang terlibat oleh perisytiharan di bawah seksyen 52(2) Kanun Tanah Negara atau bila mengemukakan syor-syor di bawah seksyen 54 Kanun Tanah Negara bagi mengenakan jenis kegunaan tanah kepada satu-satu kawasan tanah di dalam Daerah. Perkara 83(2) adalah disalinkan di bawah ini.

“(2) Where in accordance with Clause(1) the Federal Government requires the State Government to cause to be made a grant of land in perpetuity, the grant shall be made without restrictions as to the use of the land but shall be subject to the payment annually of an appropriate quit rent and the Federation shall pay to the state a premium equal to the market value for the grant; and where the Federal government so requires the State Government to cause to be granted any other interest in the land, the Federation shall pay to the State the just annual rent therefore and such premium, if any, is required by the State Government, as may be just;

Provided that if the value of the land has been increased by means of any improvement made (otherwise than at the expense of the State) while the land was reserved for federal purposes, the increase shall not be taken into consideration in determining the market value, rent or premium for the purposes of the clause.”

2. Seksyen 52(2) Kanun Tanah Negara memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan dalam Warta Kerajaan mulai dari tarikh yang tertentu, satu kawasan dalam Daerah melingkungi tanah Kerajaan dan tanah-tanah milik akan dikenakan sesuatu jenis kegunaan tanah. Perisytiharan seperti ini akan melibatkan permohonan tanah oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, tetapi Pemungut-pemungut adalah diminta mengambil ingatan bahawa syarat-syarat pemberian milik tanah yang dikehendaki bagi tujuan Persekutuan hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Perkara 83(2) Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu tidaklah mustahak membuat syor bagi mengenakan sesuatu jenis kegunaan tanah sungguhpun ada perisytiharan yang dirujuk di atas.

3. Seksyen 54(1) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengenakan sesuatu jenis kegunaan tanah kepada tanah-tanah milik di dalam satu kawasan di dalam Negeri. Semua tanah yang dimiliki sebelum 1hb Januari, 1966, termasuk tanah-tanah milik bagi kegunaan persekutuan, akan terlibat oleh keputusan ini yang mana berjalan kuatkuasanya pada satu tarikh yang ditetapkan (tidak kurang satu tahun daripada tarikh penyiaran perisytiharan tersebut diperbuat). Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan supaya menentukan iaitu sesuatu perisytiharan di bawah Seksyen 54(1) hendaklah selaras dengan peruntukan-peruntukan Perkara 83(2) Perlembagaan Persekutuan dan bagi tujuan inilah semua tanah-tanah yang telah diberi milik bagi kegunaan Persekutuan hendaklah dikecualikan daripada akibat keputusan seperti ini. Tindakan selanjutnya hendaklah diambil supaya pengecualian ini dinyatakan di dalam perisytiharan siaran itu.

4. Pihak Berkuasa Negeri adalah diberi kuasa di bawah seksyen 52(3) Kanun Tanah Negara bagi mengenakan jenis kegunaan tanah di mana kelulusan pemberian milik tanah itu diperbuat dan Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan iaitu bagi menyelaraskan peruntukan Perkara 83(2) Perlembagaan Persekutuan, maka jenis kegunaan tanah tidaklah dikehendaki disyorkan terhadap tanah yang akan diberi milik untuk kegunaan Persekutuan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR  
*Pemangku Pesuruhjaya Tanah,  
Negeri-negeri Tanah Melayu*

P.T.TM 3/70(8)

Kuala Lumpur,  
18hb Jun, 1970